

## BUKAN FIKSYEN (BAHASA MELAYU)

### PENYATA PANEL HAKIM

#### YAYASAN MAYBANK - YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

#### PERADUAN MENULIS & FOTOGRAFI 2020

1. Berikut ialah kenyataan panel hakim bagi kategori Bukan Fiksyen (Bahasa Melayu), Peraduan Menulis dan Fotografi anjuran Yayasan Maybank - Yayasan Kepimpinan Perdana 2020.
2. Yayasan Maybank dan Yayasan Kepimpinan Perdana bekerjasama untuk kali ketiga dalam menganjurkan peraduan menulis dan fotografi yang disasarkan kepada golongan belia di Malaysia. Peraduan ini berlangsung dari April hingga November 2020.
3. Peraduan ini terbuka untuk dua kumpulan kategori umur iaitu: 13-17 tahun, dan 18-23 tahun.
4. Peserta boleh memilih untuk menghantarkan penyertaan mereka dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Pada tahun ini, buat kali pertamanya setiap bahasa dinilai dan diberikan set hadiah tersendiri.
5. Peraduan ini telah menarik **8,062 penyertaan** untuk semua kategori. Sebanyak **839 penyertaan** diterima bagi Kategori Bukan Fiksyen (BM), terbahagi kepada dua kategori umur iaitu kategori A (13-17 tahun) dan kategori B (18-23 tahun).
6. Setiap penyertaan melalui tiga pusingan pengadilan: Pusingan pertama adalah untuk memastikan kelayakan dari segi tajuk dan kategori, had umur, jumlah perkataan, dan kemungkinan wujud unsur plagiat. Selepas pusingan kelayakan, penyertaan yang layak diserahkan ke pusingan senarai pendek. Dalam pusingan ini, 100 penyertaan terbaik dipilih untuk pusingan akhir, di mana setiap penyertaan dinilai oleh ketiga-tiga para hakim peringkat akhir.
7. Setiap penyertaan hanya diberikan nombor siri dan dinilai oleh para hakim secara berasingan. Markah akhir diperoleh daripada setiap ahli panel hakim.
8. Setiap penyertaan dinilai berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan dan dipaparkan di laman sesawang pertandingan sepanjang tempoh peraduan. Setiap esei dinilai berdasarkan isi, bentuk, gaya, dan kesan keseluruhan.

9. Para hakim ingin memberi penekanan kepada beberapa perkara berikut:

- Secara keseluruhan, penguasaan bahasa Melayu adalah baik dan memuaskan.
- Para hakim berpendapat bahawa kebanyakan peserta telah menjalankan penyelidikan asas berkenaan topik alam persekitaran, pemanasan global, dan tindakan perubahan iklim, serta mengaitkan sumber rujukan mereka dengan betul. Namun, terdapat sebilangan kecil peserta tidak memasukkan rujukan yang menyebabkan berlakunya unsur plagiat.
- Dari sudut analisis isu, para hakim ingin mengingatkan bahawa penulis perlu memberi pandangan dan hujah yang asli dan bukan sahaja merumuskan pembacaan yang dibuat.
- Beberapa peserta sememangnya berbakat dan amat kreatif dalam menyampaikan pendapat mereka. Penambahbaikan boleh dibuat untuk mendorong kreativiti dalam penulisan bukan fiksyen di peringkat sekolah dan juga di universiti.
- Sebahagian peserta perlu memberi perhatian yang lebih kepada tatabahasa, pemilihan kata, dan pembinaan ayat; namun, para hakim memuji penguasaan bahasa Melayu secara keseluruhan.
- Para hakim berpendapat bahawa kuantiti dan kualiti penyertaan adalah sangat menggalakkan.

9. Para hakim menghargai usaha para peserta dan berharap pertandingan ini dapat meningkatkan kesedaran tentang isu-isu alam sekitar dan menggalakkan lebih ramai golongan remaja berkarya untuk mengasah minda dan mengembangkan idea. Para hakim mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan akan terus menyokong sebarang usaha untuk mendorong dan membimbing penulis-penulis berbakat di Malaysia. Kami mengalu-alukan pusingan peraduan seterusnya.

Disahkan oleh,



**Profesor Madya Dr Salinah Ja'afar**

**24 April 2021**


Disahkan oleh,



**Khairul Abdullah**

**25 April 2021**

Disahkan oleh,



**Johan Irwan Kamarozaman**

**24 April 2021**